

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha untuk menaikkan taraf sistem palong dan sistem pengairan di kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor khususnya kawasan Sabak Bernam/Sungai Besar/Sekinchan/Tanjung Karang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan pengairan bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor melibatkan 8 kawasan pengairan utama iaitu Sawah Sempadan, Sungai Burong, Sekinchan, Sungai Besar, Sungai Lemau, Pasir Panjang, Bagan Terap dan Panchang Bedena yang melibatkan kawasan seluas 19,690 hektar.

2. Antara usaha untuk menaiktaraf sistem palong dan sistem pengairan di kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor khususnya kawasan Sabak Bernam, Sungai Besar, Sekinchan dan Tanjung Karang adalah seperti berikut:

- i. Membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan kerja-kerja berkaitan di kawasan pengairan Sungai Panjang Fasa 2. Kerja-kerja yang terbabit adalah menaiktaraf taliair tanah kepada konkrit untuk jajaran parit sepanjang 2.27km di Sungai Panjang.
- ii. Membaikpulih dan menaiktaraf taliair tersier (palong) sekiranya hasil Kajian Semula Keberkesanan Taliair Tersier dapat mengenalpasti keadaan fizikal dan kecekapan penyaluran air ke semua kawasan di IADA Barat Laut Selangor; dan
- iii. Menaiktaraf struktur-struktur pengairan seperti pintu-pintu kawalan air yang mana telah dikenalpasti mengalami kerosakan. Selain itu, kerja-kerja menaiktaraf Terusan Feeder juga dilakukan bertujuan memastikan jumlah kuantiti dan bekalan air yang mencukupi kepada kawasan pengairan.

Sekian, terima kasih.